

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

JAB 122 - Zoologi Vertebrata

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab mana-mana LIMA soalan. Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan dipenghujung subsoalan itu.
 - Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.
-

1. Berpandukan skala masa geologi, tuliskan nota-nota tentang:
 - (a) Zaman Reptilia (10 markah)
 - (b) Zaman Ikan (10 markah)

2. (a) Huraikan pengelasan bagi haiwan reptilia moden. (8 markah)

- (b) Bincangkan kemajuan haiwan reptilia berbanding dengan haiwan amfibia. (12 markah)

3. Huraikan tentang penyesuaian untuk terbang yang terdapat pada kelas Aves. (20 markah)

4. Dengan menggunakan TIGA contoh yang sesuai bincangkan tentang kepelbagaian morfologi yang terdapat pada haiwan mamalia. (20 markah)

5. Huraikan perbandingan di antara kelas Osteichthyes dengan kelas Chondrichthyes. (20 markah)

6. Huraikan kitar hidup:
 - (a) ikan lampri
 - (b) *Bufo melanostictus*
 - (c) *Gallus domesticus*(20 markah)